

OPERASI BERGABUNG

TAMBAH DAN TOLAK

- 1** Jadual menunjukkan bilangan tempahan dan jualan alat pelindung muka.

Tempahan tahun 2019	0.4 juta
Jualan tahun 2019	372 000
Tempahan tahun 2020	$5\frac{1}{4}$ juta



Hitung bilangan alat pelindung muka yang masih belum dijual.

$$0.4 \text{ juta} - 372\,000 + 5\frac{1}{4} \text{ juta} = \text{ } \text{ juta}$$

Tukar 372 000
dan $5\frac{1}{4}$ juta
kepada
perpuluhan juta



Langkah 1

$$(372\,000 \div 1\,000\,000) \text{ juta} = 0,372 \text{ juta}$$

$$5\frac{1}{4}\text{ juta} = \frac{21}{4}\text{ juta}$$
$$= 5,25\text{ juta}$$

$$\begin{array}{r} 5.25 \text{ juta} \\ 4 \overline{) 21.00 \text{ juta}} \\ \underline{-20} \\ 1 \\ \underline{-8} \\ 20 \\ \underline{-20} \\ 0 \end{array}$$

Langkah 2

$$\begin{array}{r} 9 \\ 3 \cancel{0} 10 \\ 0. \cancel{4} \cancel{3} \cancel{7} 2 \text{ juta} \\ - 0.372 \text{ juta} \\ \hline 0.028 \text{ juta} \\ \downarrow \\ 0.028 \text{ juta} \\ + 5.250 \text{ juta} \\ \hline 5.278 \text{ juta} \end{array}$$

$$0.4 \text{ juta} - 372\,000 + 5\frac{1}{4} \text{ juta} = \mathbf{5.278} \text{ juta}$$

Bilangan alat pelindung muka yang masih belum dijual ialah 5.278 juta.

- 2 $6\frac{1}{2}$ juta + 2 501 479 – 3.008 juta =

Berikan jawapan dalam nombor bulat.

Langkah 1

$$6\frac{1}{2}\text{ juta} = 6.5 \times 1\,000\,000$$
$$= 6\,500\,000$$

$$\begin{aligned} 3.008 \text{ juta} &= 3.008 \times 1\,000\,000 \\ &= 3\,008\,000 \end{aligned}$$

Langkah 2

$$\begin{array}{r} 1 \\ 6\,500\,000 \\ + 2\,501\,479 \\ \hline 9\,001\,479 \end{array} \quad \begin{array}{r} 99 \\ 8\,10011 \\ - 3\,008\,000 \\ \hline 5\,993\,479 \end{array}$$

$$6\frac{1}{2}\text{ juta} + 2\,501\,479 - 3.008\text{ juta} = 5\,993\,479$$

3 $5\ 120\ 900 - (2.65\ \text{juta} + 1\frac{2}{5}\ \text{juta}) =$

Nyatakan jawapan dalam nombor bulat.

Langkah 1

$$1\frac{2}{5}\ \text{juta} = \frac{7}{5}\ \text{juta} \\ = 1.4\ \text{juta}$$

$$\begin{array}{r} 1.4\ \text{juta} \\ 5 \overline{) 7.0\ \text{juta}} \\ \underline{-5} \\ 2\ 0 \\ \underline{-2} \\ 0 \end{array}$$

Langkah 2

$$\begin{array}{r} 1 \\ 2.6\ 5\ \text{juta} \\ + 1.4\ 0\ \text{juta} \\ \hline 4.0\ 5\ \text{juta} \end{array}$$

$4.050000 \times 1\ 000\ 000$
 $= 4\ 050\ 000$

Langkah 3

$$\begin{array}{r} 0\ 12 \\ 5\ \cancel{1}\ 2\ 0\ 9\ 0\ 0 \\ - 4\ 0\ 5\ 0\ 0\ 0\ 0 \\ \hline 1\ 0\ 7\ 0\ 9\ 0\ 0 \end{array}$$

Selesaikan operasi dalam tanda kurung dahulu.



TIP

$5\ 120\ 900 - (2.65\ \text{juta} + 1\frac{2}{5}\ \text{juta}) =$ 1\ 070\ 900

4 $6.4\ \text{juta} + (3.9\ \text{juta} - 1\frac{1}{2}\ \text{juta}) =$

Berikan jawapan dalam pecahan juta.

Langkah 1

$$1\frac{1}{2}\ \text{juta} = 1.5\ \text{juta}$$

Langkah 3

$$\begin{array}{r} 6.4\ \text{juta} \\ + \text{[blue box] juta} \\ \hline \text{[blue box] juta} \end{array}$$

Langkah 4

$$\begin{aligned} \text{[blue box] juta} &= \text{[blue box] } \frac{\text{[blue box]}}{\text{[blue box]}} \text{ juta} \\ &= \text{[blue box]} \div \text{[pink box]} \text{ juta} \\ &= \text{[green box] } \frac{\text{[green box]}}{\text{[green box]}} \text{ juta} \end{aligned}$$

Langkah 2

$$\begin{array}{r} 3.9\ \text{juta} \\ - 1.5\ \text{juta} \\ \hline \text{[blue box] juta} \end{array}$$

Lengkapkan langkah 2 hingga 4 untuk mendapatkan jawapan.



NOTA GURU

- Berikan latihan tambahan melibatkan operasi bergabung sebagai aktiviti pengukuhan.
- Tegaskan operasi dalam tanda kurung mesti diselesaikan dahulu.

1

Satu kontena membawa $\frac{1}{8}$ juta keping pelitup muka.

Ada 7 kontena yang sama.

Kesemua pelitup muka diagihkan sama banyak kepada 5 hospital.

Berapakah bilangan pelitup muka yang diterima oleh sebuah hospital?

$$\frac{1}{8} \text{ juta} \times 7 \div 5 = \text{$$

Langkah 1

$$\begin{aligned} \frac{1}{8} \text{ juta} \times 7 \\ = \frac{7}{8} \text{ juta} \\ = 0.875 \text{ juta} \end{aligned}$$

$$\begin{array}{r} 0.875 \text{ juta} \\ 8 \overline{) 7.000 \text{ juta}} \\ \underline{-0} \\ 70 \\ \underline{-64} \\ 60 \\ \underline{-56} \\ 40 \\ \underline{-40} \\ 0 \end{array}$$

Langkah 2

$$\begin{array}{r} 0.175 \text{ juta} \\ 5 \overline{) 0.875 \text{ juta}} \\ \underline{-0} \\ 8 \\ \underline{-5} \\ 37 \\ \underline{-35} \\ 25 \\ \underline{-25} \\ 0 \end{array}$$

Langkah 3

$$\begin{aligned} 0.175 \text{ juta} \\ = 0.175000 \times 1\,000\,000 \\ = 175\,000 \end{aligned}$$

Selesaikan operasi dari kiri ke kanan.



$$\frac{1}{8} \text{ juta} \times 7 \div 5 = 175\,000$$

Bilangan pelitup muka yang diterima oleh sebuah hospital ialah 175 000.

2 $0.02 \text{ juta} \div 8 \times 24 = \text{$ juta 3 $4\frac{1}{5} \text{ juta} \div (20 \times 3) = \text{$ juta

$$\begin{aligned} 0.02 \text{ juta} \div 8 \times 24 &= \frac{0.02 \text{ juta}}{8} \times 24 \\ &= 0.02 \text{ juta} \times 3 \\ &= 0.06 \text{ juta} \end{aligned}$$

$$0.02 \text{ juta} \div 8 \times 24 = 0.06 \text{ juta}$$

$$\begin{aligned} 4\frac{1}{5} \text{ juta} &= \frac{21}{5} \text{ juta} \\ &= 4.2 \text{ juta} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} 4.2 \text{ juta} \div (20 \times 3) \\ = 4.2 \text{ juta} \div 60 \\ = 0.07 \text{ juta} \end{aligned}$$

$$4\frac{1}{5} \text{ juta} \div (20 \times 3) = 0.07 \text{ juta}$$

$$\begin{array}{r} 4.2 \text{ juta} \\ 5 \overline{) 21.0 \text{ juta}} \\ \underline{-20} \\ 10 \\ \underline{-10} \\ 0 \end{array}$$

NOTA GURU

- Banyakkan soalan latihan darab dan bahagi untuk mengukuhkan pemahaman murid.
- Bimbing murid menggunakan strategi pengiraan yang sesuai dengan tahap penguasaan mereka.

TAMBAH DAN DARAB

1

Saya baru terima
0.46 juta botol pil
vitamin.

Farmasi
SEJAHTERA

Dalam stok kita masih ada
12 kotak pil vitamin. Setiap kotak
berisi 15 botol pil vitamin.

Hitung jumlah botol pil vitamin sekarang.

$$0.46 \text{ juta} + 12 \times 15 = \text{[]}$$

Langkah 1

$$\begin{array}{r} 1 \\ \times 12 \\ \hline 60 \\ + 120 \\ \hline 180 \end{array}$$

Langkah 2

$$0.46 \text{ juta} = 0.460000 \times 1\,000\,000 \\ = 460\,000$$

Langkah 3

$$460\,000 + 180 = 460\,180$$

$$0.46 \text{ juta} + 12 \times 15 = \text{[460 180]}$$

Jumlah pil vitamin sekarang ialah **460 180** botol.

Tertib operasi
× dahulu,
kemudian +.



2 $\frac{3}{10} \text{ juta} + 0.48 \text{ juta} \times 6 = \text{[]} \text{ juta}$

Kad A

$$\begin{aligned} \frac{3}{10} \text{ juta} + 0.48 \text{ juta} \times 6 \\ = 0.3 \text{ juta} + 0.48 \text{ juta} \times 6 \\ = 0.78 \text{ juta} \times 6 \\ = 4.68 \text{ juta} \end{aligned}$$

Kad B

$$\begin{aligned} \frac{3}{10} \text{ juta} + 0.48 \text{ juta} \times 6 \\ = 0.3 \text{ juta} + 0.48 \text{ juta} \times 6 \\ = 0.3 \text{ juta} + 2.88 \text{ juta} \\ = 3.18 \text{ juta} \end{aligned}$$

Kad manakah
menunjukkan
pengiraan yang
betul?



3 $14 \times (0.001 \text{ juta} + \frac{1}{2} \text{ juta}) = \text{[]}$

$$\begin{aligned} 14 \times (0.001 \text{ juta} + \frac{1}{2} \text{ juta}) &= 14 \times (\text{[]} + 500\,000) \\ &= 14 \times \text{[]} \\ &= \text{[]} \end{aligned}$$

Lengkapkan.



NOTA GURU

- Galakkan murid membina soalan yang melibatkan operasi bergabung tambah dan darab. Kemudian, selesaikan dan semak jawapan menggunakan kalkulator.

TOLAK DAN DARAB

1



Pertubuhan kebajikan kita menerima $\frac{3}{4}$ juta helai selimut.

1 000 kotak selimut telah diedarkan kepada mangsa COVID-19. Setiap kotak ada 40 helai selimut.

Hitung baki bilangan selimut selepas diedarkan.

$$\frac{3}{4} \text{ juta} - 1\,000 \times 40 = \text{_____}$$

Langkah 1

$$\begin{array}{r} 1\,000 \\ \times 40 \\ \hline 40\,000 \end{array}$$

Langkah 2

$$\begin{array}{r} 0.75 \text{ juta} \\ 4 \overline{) 3.00 \text{ juta}} \\ \underline{- 0} \\ 30 \\ \underline{- 28} \\ 20 \\ \underline{- 20} \\ 0 \end{array}$$

$$\begin{aligned} 0.75 \text{ juta} &= 0.750000 \times 1\,000\,000 \\ &= 750\,000 \end{aligned}$$

Langkah 3

$$\begin{array}{r} 750\,000 \\ - 40\,000 \\ \hline 710\,000 \end{array}$$

Tertib operasi
× dahulu,
kemudian −.



$$\frac{3}{4} \text{ juta} - 1\,000 \times 40 = \text{710 000}$$

Baki bilangan selimut ialah 710 000 helai.

2 $1.4 \text{ juta} \times 6 - 5\frac{1}{10} \text{ juta} = \text{_____} \text{ juta}$

$$\begin{array}{r} 1.4 \text{ juta} \\ \times 6 \\ \hline 8.4 \text{ juta} \end{array} \quad \rightarrow \quad \begin{array}{r} 8.4 \text{ juta} \\ - 5.1 \text{ juta} \\ \hline 3.3 \text{ juta} \end{array}$$

$$1.4 \text{ juta} \times 6 - 5\frac{1}{10} \text{ juta} = \text{3.3} \text{ juta}$$

Tukar jawapan kepada nombor bulat.



3 $(4\frac{2}{5} \text{ juta} - 4.1 \text{ juta}) \times 25 = \text{_____} \text{ juta}$

$$4\frac{2}{5} \text{ juta} = \frac{22}{5} \text{ juta} = 4.4 \text{ juta}$$

$$\begin{array}{r} 4.4 \text{ juta} \\ 5 \overline{) 22.0 \text{ juta}} \\ \underline{- 20} \\ 20 \\ \underline{- 20} \\ 0 \end{array}$$

$$\begin{array}{r} 4.4 \text{ juta} \\ - 4.1 \text{ juta} \\ \hline 0.3 \text{ juta} \end{array}$$

$$\begin{array}{r} 0.3 \text{ juta} \\ \times 25 \\ \hline 15 \\ + 060 \\ \hline 07.5 \text{ juta} \end{array}$$

$$(4\frac{2}{5} \text{ juta} - 4.1 \text{ juta}) \times 25 = \text{7.5} \text{ juta}$$

NOTA GURU

- Tegaskan operasi dalam tanda kurung mesti diselesaikan dahulu.
- Dalam contoh 3, bimbing murid menukarkan $4\frac{2}{5}$ juta kepada 4.4 juta.

TAMBAH DAN BAHAGI

1

Syarikat Alpha telah menerima $1\frac{3}{5}$ juta keping jubin.

Kilang kita akan mengagihkan sama banyak 4.9 juta keping jubin lagi kepada Syarikat Alpha dan 6 buah syarikat lain.

Berapakah jumlah jubin Syarikat Alpha selepas kilang membuat agihan?

$$1\frac{3}{5} \text{ juta} + 4.9 \text{ juta} \div 7 = \text{ } \text{ juta}$$

Langkah 1

$$\begin{array}{r} 0.7 \text{ juta} \\ 7 \overline{) 4.9 \text{ juta}} \\ \underline{-0} \\ 4.9 \\ \underline{-4.9} \\ 0 \end{array}$$

Langkah 2

$$\begin{array}{r} 1\frac{3}{5} \text{ juta} = \frac{8}{5} \text{ juta} \\ 5 \overline{) 8.0 \text{ juta}} \\ \underline{-5} \\ 3.0 \\ \underline{-3.0} \\ 0 \end{array}$$

Langkah 3

$$\begin{array}{r} 1.6 \text{ juta} \\ + 0.7 \text{ juta} \\ \hline 2.3 \text{ juta} \end{array}$$

Tertib operasi
÷ dahulu,
kemudian +.



$$1\frac{3}{5} \text{ juta} + 4.9 \text{ juta} \div 7 = 2.3 \text{ juta}$$

Jumlah jubin Syarikat Alpha ialah 2.3 juta keping.

2 $0.072 \text{ juta} \div 24 + 1\frac{9}{10} \text{ juta} = \text{ } \text{ juta}$

$$\begin{array}{r} 0.003 \text{ juta} \\ 24 \overline{) 0.072 \text{ juta}} \\ \underline{-0} \\ 0.0 \\ \underline{-0} \\ 0.7 \\ \underline{-0} \\ 7.2 \\ \underline{-7.2} \\ 0 \end{array}$$

$$1\frac{9}{10} \text{ juta} = \frac{19}{10} \text{ juta} = 1.9 \text{ juta}$$

$$\begin{array}{r} 0.003 \text{ juta} \\ + 1.900 \text{ juta} \\ \hline 1.903 \text{ juta} \end{array}$$

$$0.072 \text{ juta} \div 24 + 1\frac{9}{10} \text{ juta} = 1.903 \text{ juta}$$

3 $(2.08 \text{ juta} + 4\frac{1}{4} \text{ juta}) \div 40 = \text{ } \text{ juta}$

$$\begin{aligned} & (2.08 \text{ juta} + 4\frac{1}{4} \text{ juta}) \div 40 \\ &= (2.08 \text{ juta} + \text{ } \text{ juta}) \div 40 \\ &= \text{ } \text{ juta} \div 40 \\ &= \text{ } \div 40 \\ &= \text{ } \end{aligned}$$

NOTA GURU

- Galakkan murid menyelesaikan operasi asas dalam bentuk lazim.
- Banyakkan latihan supaya murid cekap dalam penukaran pecahan juta dan perpuluhan juta untuk menyelesaikan ayat matematik.

- 1 Agihan bendera bersempena dengan sambutan Hari Kebangsaan.



Berapakah bilangan bendera yang diagihkan ke luar bandar?

$$6\frac{3}{5} \text{ juta} \div 5 - 1.07 \text{ juta} = \text{ } \text{ juta}$$

$$6\frac{3}{5} \text{ juta} = \frac{33}{5} \text{ juta}$$

$$\begin{array}{r} 6.6 \text{ juta} \\ 5 \overline{) 33.0} \text{ juta} \\ \underline{- 30} \\ 30 \\ \underline{- 30} \\ 0 \end{array}$$

$$\begin{array}{r} 1.32 \text{ juta} \\ 5 \overline{) 6.60} \text{ juta} \\ \underline{- 5} \\ 16 \\ \underline{- 15} \\ 10 \\ \underline{- 10} \\ 0 \end{array}$$

$$\begin{array}{r} 1.32 \text{ juta} \\ \underline{- 1.07 \text{ juta}} \\ 0.25 \text{ juta} \end{array}$$

Nilai yang manakah sepadan dengan jawapan, $\frac{1}{4}$ juta atau $\frac{1}{2}$ juta?



$$6\frac{3}{5} \text{ juta} \div 5 - 1.07 \text{ juta} = 0.25 \text{ juta}$$

Bilangan bendera yang diagihkan ke luar bandar ialah 0.25 juta.

2 $9.9 \text{ juta} - 6\frac{1}{2} \text{ juta} \div 13 = \text{ } \text{ juta}$

$$\begin{aligned} 9.9 \text{ juta} - 6\frac{1}{2} \text{ juta} \div 13 &= 9.9 \text{ juta} - 6.5 \text{ juta} \div 13 \\ &= 9.9 \text{ juta} - \text{ } \text{ juta} \\ &= \text{ } \text{ juta} \end{aligned}$$

3 $(8.04 \text{ juta} - 3\frac{2}{5} \text{ juta}) \div 16 = \text{ } \text{ juta}$

Antara kiraan 1 dengan kiraan 2, yang manakah lebih mudah?

Kiraan 1 $(8.04 \text{ juta} - 3\frac{2}{5} \text{ juta}) \div 16 = (8\,040\,000 - 3\,400\,000) \div 16$
 $= 4\,640\,000 \div 16$
 $= 290\,000$

Kiraan 2 $(8.04 \text{ juta} - 3\frac{2}{5} \text{ juta}) \div 16 = (8.04 \text{ juta} - 3.4 \text{ juta}) \div 16$
 $= 4.64 \text{ juta} \div 16$
 $= 0.29 \text{ juta}$

$$(8.04 \text{ juta} - 3\frac{2}{5} \text{ juta}) \div 16 = 290\,000 \text{ atau } 0.29 \text{ juta}$$



NOTA GURU

- Tegaskan operasi bahagi mesti diselesaikan dahulu bagi soalan yang tidak melibatkan tanda kurang.

1

Pengeluaran Baju di Kilang T

Jenis baju	Bilangan pengeluaran
Lengan panjang	0.6 juta
Lengan pendek	x
Jumlah	1.3 juta

Berapakah bilangan baju lengan pendek yang dikeluarkan di Kilang T?

$$0.6 \text{ juta} + x = 1.3 \text{ juta}$$

Contoh mudah.

$$2 + x = 5$$

$$x = 5 - 2$$

$$0.6 \text{ juta} + x = 1.3 \text{ juta}$$

$$x = 1.3 \text{ juta} - 0.6 \text{ juta}$$

$$x = 0.7 \text{ juta}$$

$$\begin{array}{r} 0.13 \\ x.3 \text{ juta} \\ - 0.6 \text{ juta} \\ \hline 0.7 \text{ juta} \end{array}$$



$$0.6 \text{ juta} + 0.7 \text{ juta} = 1.3 \text{ juta}$$

Bilangan baju lengan pendek yang dikeluarkan di Kilang T ialah **0.7 juta**.

2

$$y - \frac{1}{8} \text{ juta} = \frac{3}{4} \text{ juta}$$

Apakah nilai y ?

Contoh mudah.

$$y - 3 = 4$$

$$y = 4 + 3$$

$$y - \frac{1}{8} \text{ juta} = \frac{3}{4} \text{ juta}$$

$$y = \frac{3}{4} \text{ juta} + \frac{1}{8} \text{ juta}$$

$$y = \frac{3 \times 2}{4 \times 2} \text{ juta} + \frac{1}{8} \text{ juta}$$

$$y = \frac{6}{8} \text{ juta} + \frac{1}{8} \text{ juta}$$

$$y = \frac{7}{8} \text{ juta}$$

$$\text{Nilai } y \text{ ialah } \frac{7}{8} \text{ juta.}$$

$$\frac{7}{8} \text{ juta} - \frac{1}{8} \text{ juta} = \frac{3}{4} \text{ juta}$$

Diberi $x = 0.92 \text{ juta}$ dan $1\,200\,000 - y = 0.35 \text{ juta}$.Cari nilai $x - y$ dalam perpuluhan juta.

3 $3 \times h = 1\,500\,000$

Hitung nilai h .

Contoh mudah.
 $4 \times h = 8$
 $h = 8 \div 4$

$3 \times h = 1\,500\,000$

$h = \frac{1\,500\,000}{3}$

$h = 500\,000$

$3 \times 500\,000 = 1\,500\,000$

Nilai h ialah 500 000.



$8 \div 4$ boleh ditulis sebagai $\frac{8}{4}$.

$4 \times k = 6\,800\,000$.
Cari nilai k .



4 $g \div 7 = 0.04$ juta

Kira nilai g .

Contoh mudah.
 $g \div 2 = 3$
 $g = 3 \times 2$

$g \div 7 = 0.04$ juta

$g = 0.04 \text{ juta} \times 7$
 $= 0.28 \text{ juta}$

$0.28 \text{ juta} \div 7 = 0.04 \text{ juta}$

Nilai g ialah 0.28 juta.

$r \div 6 = \frac{1}{2}$ juta
 $r = \frac{1}{2} \text{ juta} \times \text{[]}$
 $r = \text{[]}$
 Nilai r ialah []

Lengkapkan.



Diberi $8 \times g = 9.6$ juta dan $g \div 4 = m$.
Cari nilai m .

5

Perlawanan bola
sepak pertama

Perlawanan bola
sepak kedua

Ada k orang penonton menyaksikan perlawanan pertama.

0.1 juta orang penonton keluar dan 0.04 juta orang penonton masuk. Jumlah penonton ialah 40 200 orang.

Hitung nilai k .

$$k - 0.1 \text{ juta} + 0.04 \text{ juta} = 40\,200$$

Contoh mudah.

$$k - 5 + 3 = 4$$

$$k = 4 + 5 - 3$$

$$k - 0.1 \text{ juta} + 0.04 \text{ juta} = 40\,200$$

$$k = 40\,200 + 0.1 \text{ juta} - 0.04 \text{ juta}$$

$$k = 40\,200 + 100\,000 - 40\,000$$

$$k = 140\,200 - 40\,000$$

$$k = 100\,200$$

$$100\,200 - 0.1 \text{ juta} + 0.04 \text{ juta} = 40\,200$$

Nilai k ialah 100 200.

6

$$p \div 2 \times 3 = 750\,000$$

Hitung nilai p dalam pecahan juta.

Contoh mudah.

$$p \div 4 \times 5 = 10$$

$$p = 10 \div 5 \times 4$$

$$p \div 2 \times 3 = 750\,000$$

$$p = 750\,000 \div 3 \times 2$$

$$p = 250\,000 \times 2$$

$$p = 500\,000$$

$$p = \left(\frac{500\,000}{1\,000\,000} \right) \text{ juta}$$

$$p = \frac{5 \div 5}{10 \div 5} \text{ juta}$$

$$p = \frac{1}{2} \text{ juta}$$

$$\frac{1}{2} \text{ juta} \div 2 \times 3 = 750\,000$$

Nilai p ialah $\frac{1}{2}$ juta.

NOTA GURU

- Gunakan nilai nombor yang kecil untuk menerangkan penyelesaian operasi bergabung melibatkan anu.

7 $y + 3 \times 0.2 \text{ juta} = 900\,000$

Apakah nilai y ?

$$y + 3 \times 0.2 \text{ juta} = 900\,000$$

$$y + 0.6 \text{ juta} = 0.9 \text{ juta}$$

$$y = 0.9 \text{ juta} - 0.6 \text{ juta}$$

$$y = 0.3 \text{ juta}$$

Contoh mudah.

$$y + 2 \times 3 = 7$$

$$y + 6 = 7$$

$$y = 7 - 6$$

Darab dahulu.
Kemudian,
kaitkan tambah
dengan
tolak untuk
selesaikan.



0.3 juta $+ 3 \times 0.2 \text{ juta} = 900\,000$

Nilai y ialah **0.3 juta**.

8 $m - \frac{1}{10} \text{ juta} \times 2 = 0.5 \text{ juta}$

Apakah nilai m ?

$$m - \frac{1}{10} \text{ juta} \times 2 = 0.5 \text{ juta}$$

$$m - \frac{2}{10} \text{ juta} = \frac{5}{10} \text{ juta}$$

$$m = \frac{5}{10} \text{ juta} + \frac{2}{10} \text{ juta}$$

$$m = \frac{7}{10} \text{ juta}$$

Contoh mudah.

$$m - 2 \times 4 = 5$$

$$m - 8 = 5$$

$$m = 5 + 8$$



$\frac{7}{10} \text{ juta}$ $- \frac{1}{10} \text{ juta} \times 2 = 0.5 \text{ juta}$

Nilai m ialah **$\frac{7}{10} \text{ juta}$** .

Selesaikan.

$$s \times 6 \div 7 = 0.24 \text{ juta}$$

$$s = 0.24 \text{ juta} \div \text{ } \times \text{ }$$

$$s = \text{ } \text{ juta}$$



Diberi $p \times q = 7\frac{3}{8} \text{ juta}$ dan $w + p \times q = 9.09 \text{ juta}$.
Cari nilai bagi w .

NOTA GURU

- Buat simulasi yang sesuai bagi mengukuhkan pemahaman murid untuk mencari nilai anu.

1.2.1

9 $k - 2.86 \text{ juta} \div 22 = 0.37 \text{ juta}$

Apakah nilai k dalam pecahan juta?

Langkah 1

$$\begin{array}{r} 0.13 \text{ juta} \\ 22 \overline{) 2.86 \text{ juta}} \\ \underline{-0} \\ 28 \\ \underline{-22} \\ 66 \\ \underline{-66} \\ 0 \end{array}$$

Langkah 2

$$\begin{aligned} k - 0.13 \text{ juta} &= 0.37 \text{ juta} \\ k &= 0.37 \text{ juta} + 0.13 \text{ juta} \\ &= 0.50 \text{ juta} \end{aligned}$$

$$\begin{array}{r} 0.37 \text{ juta} \\ + 0.13 \text{ juta} \\ \hline 0.50 \text{ juta} \end{array}$$

Langkah 3

$$\begin{aligned} 0.50 \text{ juta} &= \frac{50}{100} \text{ juta} \\ &= \frac{5}{10} \div \frac{5}{5} \text{ juta} \\ &= \frac{1}{2} \text{ juta} \end{aligned}$$

$\frac{1}{2} \text{ juta} - 2.86 \text{ juta} \div 22 = 0.37 \text{ juta}$

Nilai k ialah $\frac{1}{2} \text{ juta}$.

10 $4.3 \text{ juta} + h \div 3 = 5.99 \text{ juta}$

Apakah nilai h ?

Langkah 1

$$\begin{aligned} 4.3 \text{ juta} + h \div 3 &= 5.99 \text{ juta} \\ h \div 3 &= 5.99 \text{ juta} - 4.3 \text{ juta} \\ h \div 3 &= 1.69 \text{ juta} \end{aligned}$$

Langkah 2

$$\begin{aligned} h \div 3 &= 1.69 \text{ juta} \\ h &= 1.69 \text{ juta} \times 3 \\ h &= 5.07 \text{ juta} \end{aligned}$$

$$\begin{array}{r} 5.99 \text{ juta} \\ - 4.30 \text{ juta} \\ \hline 1.69 \text{ juta} \end{array}$$

$$\begin{array}{r} 1.69 \text{ juta} \\ \times 3 \\ \hline 5.07 \text{ juta} \end{array}$$

$4.3 \text{ juta} + 5.07 \text{ juta} \div 3 = 5.99 \text{ juta}$

Nilai h ialah 5.07 juta .

NOTA GURU

- Galakkan murid menyelesaikan operasi bergabung melibatkan anu dengan pelbagai cara.

11 $(p + 0.006 \text{ juta}) \times 4 = 36\,000$

Hitung nilai p .

Langkah 1

$$0.006 \text{ juta} = 0.006\text{000} \times 1\,000\,000 \\ = 6\,000$$

Kaitkan **darab** dengan **bahagi**.
Kaitkan **tambah** dengan **tolak**.

Langkah 2

$$(p + 0.006 \text{ juta}) \times 4 = 36\,000$$

$$p + 0.006 \text{ juta} = 36\,000 \div 4$$

$$p + 6\,000 = 9\,000$$

$$p = 9\,000 - 6\,000$$

$$p = 3\,000$$



$$(3\,000 + 0.006 \text{ juta}) \times 4 = 36\,000$$

Nilai p ialah **3 000**.

12 $(2\frac{9}{10} \text{ juta} - m) \div 1\,000 = 500$

Cari nilai m .

Langkah 1

$$2\frac{9}{10} \text{ juta} = 2.9 \text{ juta} \\ = 2.9\text{00000} \times 1\,000\,000 \\ = 2\,900\,000$$

Kaitkan **bahagi** dengan **darab**.



Langkah 2

$$(2\frac{9}{10} \text{ juta} - m) \div 1\,000 = 500$$

$$2\frac{9}{10} \text{ juta} - m = 500 \times 1\,000$$

$$2\frac{9}{10} \text{ juta} - m = 500\,000$$

$$2\frac{9}{10} \text{ juta} - 500\,000 = m$$

$$2\,900\,000 - 500\,000 = m$$

$$2\,400\,000 = m$$

$$(2\frac{9}{10} \text{ juta} - 2\,400\,000) \div 1\,000 = 500$$

Nilai m ialah **2 400 000**.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami kaedah penyelesaian anu yang melibatkan tanda kurung.



CELIK MINDA

1 Selesaikan dan nyatakan jawapan dalam nombor bulat.

a $0.9 \text{ juta} - 800\,000 + 1.7 \text{ juta} =$

b $2.5 \text{ juta} + 500\,000 - 1.3 \text{ juta} =$

c $9\,000\,000 - 3\frac{4}{5} \text{ juta} + 1.3 \text{ juta} =$

d $3\,700\,000 + 5\frac{1}{2} \text{ juta} - 7.375 \text{ juta} =$

e $0.3 \text{ juta} + 1\,900 \times 6 =$

f $1.2 \text{ juta} + 1.08 \text{ juta} \times 3 =$

g $\frac{3}{4} \text{ juta} + 2.07 \text{ juta} \div 3 =$

h $\frac{3}{5} \text{ juta} \div 2 + 4\frac{1}{10} \text{ juta} =$

i $1.09 \text{ juta} - 324\,000 \times 2 =$

j $9.825 \text{ juta} - 5 \times 1.94 \text{ juta} =$

k $8\frac{1}{4} \text{ juta} - 1.6 \text{ juta} \div 5 =$

l $0.2 \text{ juta} - 0.875 \text{ juta} \div 8 =$

m $\frac{1}{5} \text{ juta} \times 3 \div 5 =$

n $19 \times 0.028 \text{ juta} \div 4 =$

o $14 \times (0.4 \text{ juta} + \frac{3}{10} \text{ juta}) =$

p $(3\frac{2}{5} \text{ juta} - 2.84 \text{ juta}) \times 10 =$

q $(480\,000 - \frac{2}{5} \text{ juta}) \div 20 =$

r $(6.904 \text{ juta} + 2\frac{9}{10} \text{ juta}) \div 15 =$

2 Selesaikan dan nyatakan jawapan dalam perpuluhan juta.

a $4.7 \text{ juta} - 100\,000 + 2\frac{1}{10} \text{ juta} =$

b $0.8 \text{ juta} + 900\,000 \times 6 =$

c $2\frac{1}{5} \text{ juta} + 4.02 \text{ juta} \div 6 =$

d $8.071 \text{ juta} - 2 \times 0.92 \text{ juta} =$

e $5\frac{1}{4} \text{ juta} - 3.003 \text{ juta} \div 3 =$

f $\frac{3}{4} \text{ juta} \times 4 \div 5 =$

g $7 \times (0.75 \text{ juta} + \frac{3}{5} \text{ juta}) =$

h $(4\frac{3}{8} \text{ juta} - 1.9 \text{ juta}) \div 9 =$

3 Selesaikan dan nyatakan jawapan dalam pecahan juta.

a $8.1 \text{ juta} + 0.9 \text{ juta} - 3\frac{1}{5} \text{ juta} =$

b $0.03 \text{ juta} \times 12 + 0.14 \text{ juta} =$

c $6\frac{4}{5} \text{ juta} + 5.6 \text{ juta} \div 7 =$

d $5.14 \text{ juta} - 5 \times 0.488 \text{ juta} =$

e $3.51 \text{ juta} - 1.21 \text{ juta} \div 11 =$

f $\frac{3}{4} \text{ juta} \div 8 \times 24 =$

g $(3\frac{7}{8} \text{ juta} - 3.85 \text{ juta}) \times 100 =$

h $(0.8 \text{ juta} + 2\frac{2}{5} \text{ juta}) \div 32 =$

4 Cari nilai p .

a $p + 0.35 \text{ juta} = 1.4 \text{ juta}$

b $p - 6\frac{1}{4} \text{ juta} = 1\frac{1}{2} \text{ juta}$

c $9 \times p = 0.027 \text{ juta}$

d $p \div 2 = 5\,000\,000$

e $p - \frac{3}{5} \text{ juta} + 0.08 \text{ juta} = 115\,096$

f $p \div 7 \times 4 = 0.065 \text{ juta}$

g $p + 4 \times 0.3 \text{ juta} = 1\frac{5}{8} \text{ juta}$

h $p - \frac{4}{5} \text{ juta} \times 6 = 2.09 \text{ juta}$

i $p + 1.04 \text{ juta} \div 16 = 1\,000\,000$

j $(1\frac{7}{10} \text{ juta} - p) \div 10 = 0.081 \text{ juta}$



NOMBOR PERDANA DAN NOMBOR GUBAHAN

1

Saya warnakan kuning pada nombor perdana. **Nombor perdana** hanya boleh dibahagi dengan 1 dan dirinya sendiri.

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
11	12	13	14	15	16	17	18	19	20
21	22	23	24	25	26	27	28	29	30
31	32	33	34	35	36	37	38	39	40
41	42	43	44	45	46	47	48	49	50


Bagaimanakah pula nombor-nombor yang tidak diwarnakan?

Nombor-nombor yang tidak diwarnakan kuning itu ialah **nombor gubahan** kecuali nombor 1.

2



Saya nombor perdana. Saya hanya boleh dibahagi dengan 1 dan diri sendiri.



Nombor 9 ialah **nombor gubahan** kerana boleh dibahagikan dengan 1, diri sendiri dan nombor lain tanpa baki.

Nombor gubahan ialah nombor-nombor selain nombor perdana, 0 dan 1.



NOTA GURU

- Imbas kembali pengetahuan nombor perdana sebelum memperkenalkan nombor gubahan.

3 Adakah 51 dan 53 nombor gubahan? Terangkan.



51 boleh dibahagi dengan 1, 3, 17 dan 51 tanpa baki. 51 ialah nombor gubahan.

51
$51 \div 1 = 51$
$51 \div 3 = 17$
$51 \div 17 = 3$
$51 \div 51 = 1$


53
$53 \div 1 = 53$
$53 \div 53 = 1$

53 boleh dibahagi dengan 1 dan 53 tanpa baki. 53 ialah nombor perdana.



51 ialah nombor gubahan. 53 pula nombor perdana.

4



Saya mengelaskan nombor daripada 59 hingga 73.



Apakah nombor-nombor yang tertinggal?

5 Lengkapkan peta alir berikut.



NOTA GURU

• Bincangkan nombor-nombor gubahan yang berada antara 75 hingga 100.




PROJEK RIA

Alat/Bahan Templat nombor dan pensel warna.

Tugasan

- 1 Imbas kod QR dan cetak templat nombor.
- 2 Warnakan merah bagi nombor gubahan dan kuning bagi nombor perdana.
- 3 Kumpulkan hasil kerja sebagai buku skrap.



GELIK MINDA

- 1 Adakah 47 dan 74 nombor perdana atau nombor gubahan? Berikan sebab bagi jawapan kamu.
- 2 Kenal pasti dan kelaskan nombor perdana dan nombor gubahan.



- 3 Senaraikan semua nombor gubahan dalam lingkungan 100 yang mempunyai nilai digit 3 pada sa.



SELESAIKAN MASALAH

- 1 Rizal dan Sharvina menunjukkan kad nombor pertama masing-masing. Rizal membina pola nombor tertib menaik enam-enam. Sharvina pula membina pola nombor tertib menaik lapan-lapan. Nombor ke berapakah dalam pola nombor mereka akan sama?



Penyelesaian

Fahami soalan

Rizal $\rightarrow$ 4 095 180 $\rightarrow$ tertib menaik enam-enam

Sharvina $\rightarrow$ 4 095 188 $\rightarrow$ tertib menaik lapan-lapan

Fikir cara

Bina pola nombor Rizal dan Sharvina.

Selesaikan

pola nombor Rizal

4 095 180, 4 095 186, 4 095 192, 4 095 198, 4 095 204, ...

pola nombor Sharvina

4 095 188, 4 095 196, 4 095 204, 4 095 212, ...

Nombor kelima Rizal dan nombor ketiga Sharvina dalam pola nombor masing-masing adalah sama nilai.



Semak

pola nombor Rizal

$$\begin{array}{r} 4\ 095\ 180 \\ + \quad \quad 24 \\ \hline 4\ 095\ 204 \end{array}$$

nombor kelima

pola nombor Sharvina

$$\begin{array}{r} 4\ 095\ 188 \\ + \quad \quad 16 \\ \hline 4\ 095\ 204 \end{array}$$

nombor ketiga

Nombor ketiga bagi pola nombor Sharvina sama nilai dengan nombor kelima bagi pola nombor Rizal.

NOTA GURU

- Terangkan dan tegaskan langkah-langkah penyelesaian masalah menggunakan model Polya.

- 2 Gambar menunjukkan satu roda nombor. Jamal memutarakan roda nombor itu dan mendapat satu nombor gubahan. Rishi pula telah mendapat satu nombor perdana. Beza antara dua nombor itu ialah 14. Apakah nombor yang Jamal dapat dalam putaran itu?



Penyelesaian

Fahami soalan

- Jamal mendapat satu nombor gubahan.
- Rishi mendapat satu nombor perdana.
- Beza nombor ialah 14.
- Apakah nombor yang Jamal dapat?

Fikir cara

Mengelaskan nombor gubahan dan nombor perdana.

Jamal mungkin dapat 77, 87 atau 91.

Nombor gubahan	Nombor perdana
77	53
87	67
91	73

Rishi mungkin dapat 53, 67 atau 73.

Selesaikan

Guna kaedah cuba jaya.

Cubaan 1

Jamal dapat 77.
Rishi dapat 53.
Beza
 $77 - 53 = 24$

Cubaan 2

Jamal dapat 87.
Rishi dapat 73.
Beza
 $87 - 73 = 14$

Jamal dapat nombor 87 dalam putaran itu.

Yanti mendapat nombor gubahan dan Dayang mendapat nombor perdana apabila memutarakan roda nombor yang sama. Hasil darab nombor mereka ialah 4 823. Apakah hasil tambah nombor-nombor itu?



NOTA GURU

- Bimbing murid mencari kata kunci dalam soalan.



Eksport minyak sawit ke negara X ialah 214 466 tan dan 1 229 434 tan ke negara Y. Eksport ke negara Z pula ialah 93 606 tan lebih daripada negara X.

Berapakah jumlah tan minyak sawit yang dieksport ke negara Y dan negara Z?

Penyelesaian

Fahami soalan

- Negara X, 214 466 tan.
- Negara Y, 1 229 434 tan.
- Negara Z, 93 606 tan lebih daripada negara X.
- Cari jumlah eksport minyak sawit ke negara Y dan negara Z.

Fikir cara

Negara X 214 466

93 606

Negara Z 214 466

Negara Y 1 229 434

Lukis gambar rajah.



Selesaikan

$$214\,466 + 93\,606 + 1\,229\,434 =$$

$$\begin{array}{r} 214\,466 \\ + 93\,606 \\ \hline 308\,072 \end{array} \quad \begin{array}{r} 308\,072 \\ + 1\,229\,434 \\ \hline 1\,537\,506 \end{array}$$

Semak

$$\begin{array}{r} 217\,410 \\ 1\,537\,506 \\ - 1\,229\,434 \\ \hline 308\,072 \end{array} \quad \begin{array}{r} 2107\,10612 \\ 308\,072 \\ - 93\,606 \\ \hline 214\,466 \end{array}$$

$$214\,466 + 93\,606 + 1\,229\,434 = 1\,537\,506$$

Jumlah minyak sawit yang dieksport ke negara Y dan negara Z ialah 1 537 506 tan.

NOTA GURU

- Banyakkan latihan membina ayat matematik secara lisan berpandukan kad soalan.

- 4 Sebuah kilang elektronik menghasilkan 2.46 juta unit Diod Pemancar Cahaya (LED). Semua LED itu dimasukkan sama banyak ke dalam 80 buah kotak. Kilang elektronik itu menghantar 2 buah kotak ke Kedai Elektrik Azlan. Berapakah bilangan unit LED yang diterima oleh Kedai Elektrik Azlan?



Penyelesaian

Diberi

- 2.46 juta unit LED.
- Dimasukkan sama banyak ke dalam 80 buah kotak.
- 2 buah kotak dihantar ke Kedai Elektrik Azlan.

Dicari

Bilangan unit LED yang diterima oleh Kedai Elektrik Azlan.

Ayat matematik

$$2.46 \text{ juta} \div 80 \times 2 = \text{■}$$

Kira

$$2.46 \text{ juta} \div 80 \times 2 = \text{■}$$

$$\begin{aligned} 2.46 \text{ juta} &= 2.46 \times 1\,000\,000 \\ &= 2\,460\,000 \end{aligned}$$

$$\begin{array}{r} 30\,750 \\ 80 \overline{) 2\,460\,000} \\ \underline{-2\,40} \\ 60 \\ \underline{-0} \\ 600 \\ \underline{-560} \\ 400 \\ \underline{-400} \\ 00 \\ \underline{-0} \\ 0 \end{array}$$

$$\begin{array}{r} 30\,750 \\ \times 2 \\ \hline 61\,500 \end{array}$$

Semak jawapan dengan kalkulator.



$$2.46 \text{ juta} \div 80 \times 2 = \text{61\,500}$$

Bilangan LED yang diterima oleh Kedai Elektrik Azlan ialah 61 500 unit.

NOTA GURU

- Pelbagaikan soalan yang melibatkan operasi bergabung darab dan bahagi yang melibatkan tanda kurang.

- 5 Sebuah syarikat telah menghantar 0.03 juta buah kerusi ke stadium baharu dan menghantar lagi 30 buah lori kontena berisi kerusi ke stadium itu. Setiap lori kontena membawa 580 buah kerusi. Berapakah jumlah kerusi yang dihantar ke stadium baharu itu?



Penyelesaian

Diberi Telah hantar 0.03 juta buah kerusi.
30 buah lori kontena membawa 580 buah kerusi setiap satu.

Dicari Jumlah kerusi yang dihantar ke stadium baharu.

Ayat matematik $0.03 \text{ juta} + 30 \times 580 =$

Kira $0.03 \text{ juta} + 30 \times 580 = (0.03 \times 1\,000\,000) + 30 \times 580$
 $= 30\,000 + 30 \times 580$
 $= 30\,000 + 17\,400$
 $= 47\,400$

$$\begin{array}{r} 2 \\ 580 \\ \times 30 \\ \hline 17\,400 \end{array}$$

$$\begin{array}{r} 30\,000 \\ + 17\,400 \\ \hline 47\,400 \end{array}$$

Semak

$$\begin{array}{r} 47\,400 \\ - 30\,000 \\ \hline 17\,400 \end{array}$$

$$\begin{array}{r} 580 \\ 30 \overline{) 17\,400} \\ \underline{- 15\,0} \downarrow \\ 2\,40 \\ \underline{- 2\,40} \downarrow \\ 00 \\ \underline{- 0} \\ 0 \end{array}$$

Saya semak jawapan menggunakan ayat matematik ini.
 $(47\,400 - 30\,000) \div 30 = 580$



$0.03 \text{ juta} + 30 \times 580 =$ 47 400

Jumlah kerusi yang dihantar ke stadium baharu ialah **47 400** buah.

NOTA GURU

- Jalankan aktiviti berpasangan membina ayat matematik berbandukan masalah yang diberikan untuk mengukuhkan pemahaman murid.

- 6 Syarikat Teguh Berjaya telah mendapat keuntungan sebanyak RM3.4 juta. Syarikat itu mempunyai 5 anak syarikat. Setiap anak syarikat menerima bonus sebanyak RM0.26 juta daripada keuntungan syarikat. Berapakah baki keuntungan Syarikat Teguh Berjaya?

Penyelesaian

- Diberi**
- Keuntungan Syarikat Teguh Berjaya RM3.4 juta.
 - 5 anak syarikat.
 - Setiap anak syarikat terima bonus RM0.26 juta.

Dicari Baki keuntungan.

Ayat matematik $\text{RM}3.4 \text{ juta} - 5 \times \text{RM}0.26 \text{ juta} =$

Kira

$$\begin{array}{r} \text{RM } 0.26 \text{ juta} \\ \times \quad 5 \\ \hline \text{RM } 1.30 \text{ juta} \end{array} \quad \begin{array}{r} \text{RM } 3.4 \text{ juta} \\ - \text{RM } 1.3 \text{ juta} \\ \hline \text{RM } 2.1 \text{ juta} \end{array}$$

Semak

$$\begin{array}{r} \text{RM } 3.4 \text{ juta} \\ - \text{RM } 2.1 \text{ juta} \\ \hline \text{RM } 1.3 \text{ juta} \end{array} \quad \begin{array}{r} \text{RM } 0.26 \text{ juta} \\ 5 \overline{) \text{RM } 1.30 \text{ juta}} \\ \underline{-0} \quad \downarrow \\ \quad 13 \quad \downarrow \\ \underline{-10} \quad \downarrow \\ \quad \quad 30 \\ \underline{-30} \\ \quad \quad \quad 0 \end{array}$$

$\text{RM}3.4 \text{ juta} - 5 \times \text{RM}0.26 \text{ juta} = \text{RM}2.1 \text{ juta}$

Baki keuntungan Syarikat Teguh Berjaya ialah RM2.1 juta.

NOTA GURU

- Murid boleh menyemak jawapan dengan menggunakan kalkulator.


7 Seorang tokoh perniagaan mempunyai 4 buah gedung pakaian P, Q, R dan T. Tokoh tersebut telah mengagihkan $\frac{1}{8}$ juta helai pakaian sama banyak ke 4 buah gedungnya. Gedung R masih ada 0.004 juta helai pakaian yang belum dijual. Berapakah jumlah pakaian di gedung R sekarang?



Penyelesaian

- 4 buah gedung P, Q, R dan T.
- $\frac{1}{8}$ juta helai pakaian diagihkan sama banyak ke 4 buah gedung.
- Gedung R masih ada 0.004 juta helai pakaian yang belum dijual.
- Berapakah jumlah pakaian di gedung R sekarang?

$\frac{1}{8}$ juta helai pakaian diagihkan sama banyak ke 4 buah gedung.



Jumlahkan bilangan pakaian yang diterima dan bilangan pakaian yang masih ada.

Jumlah pakaian di gedung R.

$\frac{1}{8}$ juta $\div$ 4 dan 0.004 juta

$$\frac{1}{8} \text{ juta} \div 4 + 0.004 \text{ juta} =$$
$$\begin{aligned}\frac{1}{8} \text{ juta} \div 4 + 0.004 \text{ juta} &= 125\,000 \div 4 + 4\,000 \\ &= 31\,250 + 4\,000 \\ &= 35\,250\end{aligned}$$
$$\frac{1}{8} \text{ juta} \div 4 + 0.004 \text{ juta} = 35\,250$$

Tukar $\frac{1}{8}$ juta kepada
perpuluhan juta dan
selesaikan.

Jumlah pakaian di gedung R sekarang ialah 35 250 helai.

NOTA GURU

- © Berikan contoh lain supaya murid mencuba pelbagai strategi seperti simulasi untuk menyelesaikan masalah.

- 8 Sebuah syarikat telekomunikasi telah menerima 1.602 juta kad prabayar RM5 dan $\frac{3}{4}$ juta kad prabayar RM10. Kesemua kad prabayar hendak diedarkan sama banyak ke 1 000 buah kedai telefon. Berapakah bilangan kad prabayar untuk sebuah kedai telefon?

Penyelesaian

Jenis kad prabayar	Bilangan kad
RM5	1.602 juta
RM10	$\frac{3}{4}$ juta
Jumlah kad	Diedarkan sama banyak ke 1 000 buah kedai telefon

Berapakah bilangan kad prabayar untuk sebuah kedai telefon?

$$(1.602 \text{ juta} + \frac{3}{4} \text{ juta}) \div 1\,000 = \text{[]}$$

Langkah 1

$$\begin{aligned} 1.602 \text{ juta} &= 1.602 \times 1\,000\,000 \\ &= 1\,602\,000 \\ \frac{3}{4} \text{ juta} &= \frac{3}{4} \times 1\,000\,000 \\ &= 0.75 \times 1\,000\,000 \\ &= 750\,000 \end{aligned}$$

Langkah 2

$$\begin{array}{r} 1\,602\,000 \\ + 750\,000 \\ \hline 2\,352\,000 \end{array}$$

Langkah 3

$$\frac{2\,352\,000}{1\,000} = 2\,352$$

Semak jawapan berpandukan ayat matematik ini.

$$2\,352 \times 1\,000 - 1.602 \text{ juta} = \text{[]}$$



$$(1.602 \text{ juta} + \frac{3}{4} \text{ juta}) \div 1\,000 = \text{2 352}$$

Bilangan kad prabayar yang diterima oleh sebuah kedai telefon ialah **2 352** unit.

NOTA GURU


- Bimbing murid merekodkan maklumat penting secara ringkas.

- 9 Sebuah syarikat penerbitan telah mencetak $\frac{1}{10}$ juta naskhah surat khabar bahasa Melayu dan 0.002 juta naskhah surat khabar bahasa Inggeris setiap hari. Berapakah jumlah naskhah surat khabar yang dicetak pada bulan Februari 2020?

Garisi maklumat penting.



Penyelesaian



Februari 2020 ada 29 hari sebab tahun lompat.



$$\left(\frac{1}{10} \text{ juta} + 0.002 \text{ juta}\right) \times 29 = \text{[]}$$

$$\begin{aligned} \left(\frac{1}{10} \text{ juta} + 0.002 \text{ juta}\right) \times 29 &= (100\,000 + 2\,000) \times 29 \\ &= 102\,000 \times 29 \\ &= 2\,958\,000 \end{aligned}$$

Semak

$$\begin{aligned} 2\,958\,000 \div 29 - 0.002 \text{ juta} &= 102\,000 - 2\,000 \\ &= 100\,000 \\ &= \left(\frac{100\,000}{1\,000\,000}\right) \text{ juta} \\ &= \frac{1}{10} \text{ juta} \end{aligned}$$

$$\left(\frac{1}{10} \text{ juta} + 0.002 \text{ juta}\right) \times 29 = 2\,958\,000$$

$$\begin{array}{r} 102\,000 \\ \times \quad 29 \\ \hline 918\,000 \\ + 2\,040\,000 \\ \hline 2\,958\,000 \end{array}$$

Jumlah surat khabar yang dicetak pada bulan Februari 2020 ialah 2 958 000 naskhah.


NOTA GURU

- Banyakkan latihan membina ayat matematik secara lisan berpandukan masalah yang diberikan menggunakan kod cerita.

- 10 Seramai p orang murid sekolah rendah dan 0.85 juta orang murid sekolah menengah menyertai kuiz kesihatan dalam talian. Jumlah peserta kuiz kesihatan itu ialah 1.05 juta orang murid. Hitung nilai p dalam nombor bulat.

Penyelesaian

- p orang murid sekolah rendah.
- 0.85 juta orang murid sekolah menengah.
- Jumlah peserta 1.05 juta orang murid.
- Cari nilai p dalam nombor bulat.



$$\begin{aligned} p + 0.85 \text{ juta} &= 1.05 \text{ juta} \\ p &= 1.05 \text{ juta} - 0.85 \text{ juta} \\ p &= 0.2 \text{ juta} \\ p &= 0.2 \times 1\,000\,000 \\ p &= 200\,000 \end{aligned}$$

Semak

$$\begin{aligned} 200\,000 + 0.85 \text{ juta} &= \left(\frac{200\,000}{1\,000\,000}\right) \text{ juta} + 0.85 \text{ juta} \\ &= 0.2 \text{ juta} + 0.85 \text{ juta} \\ &= 1.05 \text{ juta} \end{aligned}$$

$$200\,000 + 0.85 \text{ juta} = 1.05 \text{ juta}$$

Nilai p ialah 200 000.

Bilangan murid lelaki sekolah rendah ialah m orang. Beza antara bilangan murid lelaki sekolah menengah dengan sekolah rendah yang menyertai kuiz kesihatan itu ialah 0.515 juta. Bilangan murid lelaki sekolah menengah ialah 0.6 juta. Hitung nilai m .



NOTA GURU


- Berikan soalan penyelesaian masalah operasi asas, iaitu tambah, tolak, darab dan bahagi yang melibatkan anu untuk memantapkan tahap penguasaan murid.

- 11 Kilang Kasut Zing telah mengeluarkan sebanyak m pasang kasut sukan. Kilang itu telah mengedarkan 0.086 juta pasang kasut sukan ke setiap gudang di 13 buah negeri. 1 482 000 pasang kasut sukan masih belum diedarkan. Hitung nilai m dalam perpuluhan juta.



Penyelesaian

- Keluarkan m pasang kasut sukan.
- Edarkan 0.086 juta pasang kasut sukan ke setiap gudang di 13 buah negeri.
- 1 482 000 pasang kasut sukan belum diedarkan.
- Hitung nilai m dalam perpuluhan juta.



$$m - 13 \times 0.086 \text{ juta} = 1\,482\,000$$

$$m - 13 \times 86\,000 = 1\,482\,000$$

$$m - 1\,118\,000 = 1\,482\,000$$

$$m = 1\,482\,000 + 1\,118\,000$$

$$m = 2\,600\,000$$

$$m = 2.6 \text{ juta}$$

$$\begin{array}{r} 86\,000 \\ \times 13 \\ \hline 258\,000 \\ + 860\,000 \\ \hline 1\,118\,000 \end{array}$$

Semak

$$2.6 \text{ juta} - 13 \times 0.086 \text{ juta} =$$

$$\begin{array}{r} 2.6 \\ \times 13 \\ \hline 0\,258 \\ + 00\,860 \\ \hline 1.118 \text{ juta} \end{array}$$

$$\begin{array}{r} 2.6 \\ - 1.118 \\ \hline 1.482 \text{ juta} \end{array}$$

$$1.482 \text{ juta} = 1.482 \times 1\,000\,000 = 1\,482\,000$$

$$2.6 \text{ juta} - 13 \times 0.086 \text{ juta} = 1\,482\,000$$

Nilai m ialah 2.6 juta.

NOTA GURU

- Berikan contoh-contoh yang melibatkan anu untuk memantapkan tahap penguasaan murid.

Pola nombor

6 008 351, 6 009 351, 6 010 351, 6 011 351, ...



- ① Wan menulis suatu pola nombor pada papan putih. Apakah nombor ketujuh pada pola nombor itu?

- ② Yang berikut ialah lapan kad nombor.

97

83

47

36

73

79

90

96

Mary diminta untuk mencari beza antara nombor gubahan paling besar dengan nombor perdana paling kecil.

a Apakah jawapan Mary?

b Nyatakan sama ada jawapan Mary ialah nombor perdana atau nombor gubahan.

- ③ Pengeluar vaksin COVID-19 telah mengedarkan $4\frac{7}{10}$ juta dos vaksin ke negara X. Negara Y pula menerima 1.06 juta dos vaksin kurang daripada negara X. Berapakah jumlah vaksin yang diedarkan oleh pengeluar vaksin COVID-19 itu?
- ④ Syarikat Percetakan ABZ telah mencetak 0.063 juta buah buku. Semua buku itu dimasukkan sama banyak ke dalam 90 buah kotak. Syarikat itu menghantar 4 buah kotak ke Kedai Buku Alma. Berapakah bilangan buku yang dihantar ke Kedai Buku Alma?
- ⑤ Syarikat Elektronik Karim telah menghantar $2\frac{7}{10}$ juta fon telinga kepada pemborong A dan 6 buah kotak berisi fon telinga kepada pemborong B. Setiap kotak mempunyai 0.009 juta fon telinga. Berapakah jumlah fon telinga yang dihantar kepada pemborong A dan B?



- 6 Jadual menunjukkan bilangan pen biru dan pen hitam di dalam kotak M dan N.

Kotak	M	N
Pen	Biru	Hitam
Bilangan pen	$\frac{2}{5}$ juta	0.04 juta

Sebuah syarikat multinasional telah menyumbangkan sebuah kotak M dan 8 buah kotak N ke beberapa buah sekolah di negeri Johor bersempena dengan Hari Kanak-kanak Sedunia. Hitung beza antara bilangan pen biru dengan pen hitam yang disumbangkan oleh syarikat itu.

- 7 Kilang Q mengeluarkan 0.05 juta bekas kuih baulu. Kuih baulu itu diedarkan sama banyak ke pasar raya T dan 9 buah pasar raya yang lain. Pasar raya T telah menjual 2 900 bekas kuih baulu. Berapakah bilangan bekas kuih baulu yang masih belum dijual oleh pasar raya T?



- 8 Bersempena dengan bulan Ramadan, bilangan kotak kurma madu A dan kurma madu B yang dipasarkan setiap minggu adalah seperti berikut.



Kurma madu A

0.45 juta kotak



Kurma madu B

$\frac{1}{2}$ juta kotak

Berapakah jumlah kotak kurma madu A dan B yang dipasarkan dalam 4 minggu?

- 9 Sebuah syarikat pengeluar petrol mengeluarkan $1\frac{3}{8}$ juta gelen petrol. 0.017 juta gelen petrol daripadanya disimpan dan selebihnya diagihkan sama banyak ke 97 buah stesen minyak. Adakah setiap stesen minyak akan menerima 0.014 juta gelen petrol? Buktikan.



UJI MINDA

- 1 Tulis nombor dalam angka atau perkataan.

a 3 518 042

b 1 090 256

c 4 007 980

d 5 040 019

e lapan juta tujuh ratus sembilan ribu seratus lapan puluh satu

f sembilan juta dua ratus lima puluh tiga ribu

g dua juta lima puluh ribu lapan ratus enam

- 2 Lima keping kad nombor di bawah disusun mengikut suatu pola tertentu.

8 007 056

8 007 068

8 007 080

x

y

a Nyatakan polanya.

b Apakah nilai bagi x dan y?

- 3 Kelaskan nombor-nombor berikut kepada nombor gubahan dan nombor perdana.

11

8

24

29

35

41

67

80

- 4 Tulis nombor dalam perkataan atau angka.

a $1\frac{3}{4}$ juta

b satu per lapan juta

c lima tujuh persepuluh juta

- 5 Tukar perpuluhan juta atau pecahan juta kepada nombor bulat.

a 0.2 juta

b 1.095 juta

c $\frac{1}{5}$ juta

d $4\frac{3}{8}$ juta

e $6\frac{9}{10}$ juta

- 6 Lengkapkan jadual berikut.

Nombor bulat				3 500 000	
Perpuluhan juta	0.6 juta		2.8 juta		
Pecahan juta		$\frac{3}{4}$ juta			$9\frac{5}{8}$ juta

- 7 Selesaikan.

a $8\,500\,000 + 790\,680 =$

b $1\frac{1}{2}$ juta + 1.192 juta =

c $8.01 \text{ juta} - 4\frac{1}{10} \text{ juta} - 2\,650\,000 =$

d $14 \times 0.46 \text{ juta} =$

- 8 Hitung. Nyatakan jawapan dalam perpuluhan juta.

a $7 \times 1\frac{1}{10} \text{ juta} =$

b $9.225 \text{ juta} \div 3 =$

- 9 a $8.551 \text{ juta} \div 17 =$

b $6\frac{1}{4} \text{ juta} \div 25 =$

Nyatakan jawapan dalam nombor bulat.

Nyatakan jawapan dalam pecahan juta.

10 Kira.

a $0.8 \text{ juta} - 440\,000 + 1\frac{2}{5} \text{ juta} =$

Berikan jawapan dalam
perpuluhan juta.

c $1.05 \text{ juta} + 8 \times \frac{9}{10} \text{ juta} =$

e $3.7 \text{ juta} + 1\frac{1}{2} \text{ juta} \div 6 =$

b $6\frac{3}{10} \text{ juta} \div 9 \times 7 =$

Nyatakan jawapan dalam
pecahan juta.

d $4 \times (1.36 \text{ juta} - \frac{1}{4} \text{ juta}) =$

f $(5.03 \text{ juta} - 2\frac{3}{4} \text{ juta}) \div 8 =$

11 Cari nilai k .

a $k - 0.7 \text{ juta} + 1.02 \text{ juta} = 590\,000$

c $k + 1.2 \text{ juta} \times 4 = 7\frac{3}{4} \text{ juta}$

e $(k + 0.013 \text{ juta}) \times 24 = 408\,000$

b $k \div 2 \times 5 = 0.01 \text{ juta}$

d $8.007 \text{ juta} - k \div 6 = 7.9 \text{ juta}$

f $(6\frac{3}{8} \text{ juta} - k) \div 10 = 0.46 \text{ juta}$

12 Selesaikan masalah yang berikut.

a Sebuah kilang bateri mengeluarkan 4.082 juta bateri saiz AA, bateri saiz C $1\frac{4}{5}$ juta kurang daripada bateri saiz AA dan 860 000 bateri saiz D. Berapakah jumlah bateri saiz C dan D yang dikeluarkan oleh kilang itu?

b Sebuah perpustakaan mempunyai $1\frac{1}{4}$ juta buah buku. Buku-buku yang telah rosak dimasukkan ke dalam 3 buah kotak. Setiap kotak itu ada 0.003 juta buah buku. Berapakah bilangan buku yang masih elok di perpustakaan itu?

c Sebanyak 5 buah mesin cetak digunakan untuk mencetak $3\frac{7}{8}$ juta risalah. Setiap mesin dapat mencetak bilangan risalah yang sama banyak. Berapakah risalah yang dapat dicetak oleh 7 buah mesin cetak yang sama?

d Sebuah kilang telah mengeluarkan $\frac{2}{5}$ juta biji bola pingpong. 0.04 juta biji bola pingpong diasingkan untuk tempahan dan selebihnya diagihkan sama banyak ke 100 buah kedai sukan. Adakah bilangan bola pingpong yang dihantar ke setiap kedai sukan adalah kurang daripada 4 000 biji bola pingpong? Buktikan.

e Bersempena dengan musim perayaan, Kedai Kek Siti telah menerima tempahan biskut kacang dan biskut dahlia. Jadual menunjukkan bilangan balang biskut kacang dan biskut dahlia yang ditempah oleh setiap pasar raya.

Biskut	Kacang	Dahlia
Bilangan balang	0.06 juta	$\frac{1}{8}$ juta

Berapakah jumlah balang biskut kacang dan biskut dahlia yang ditempah oleh 15 buah pasar raya?

KEMBARA MATEMATIK



Alat/Bahan 16 keping kad soalan, dadu, kertas, pen, petak nombor 1 – 100 dan 4 keping penanda bagi setiap warna.

Peserta 5 orang murid (4 orang pemain dan seorang pengadil).

Cara bermain

1. Pilih satu penanda dan tentukan giliran.
2. Pemain pertama akan melontar dadu dan menggerakkan penanda mengikut nombor dadu.
3. Kenal pasti penanda berhenti pada petak nombor perdana atau nombor gubahan.
4. Jika nombor perdana, pilih satu soalan dari bilik nombor perdana. Jika nombor gubahan, pilih satu soalan dari bilik nombor gubahan.
5. Tulis pengiraan dan jawapan di atas kertas.
6. Pengadil menyemak jawapan. Jika betul, pemain akan menggerakkan penanda berdasarkan syarat pergerakan. Jika salah, penanda akan kekal di petak itu.
7. Tukar giliran dan main sehingga pusingan keempat.
8. Pemain yang berada di petak nombor terbesar ialah pemenang.

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
11	12	13	14	15	16	17	18	19	20
21	22	23	24	25	26	27	28	29	30
31	32	33	34	35	36	37	38	39	40
41	42	43	44	45	46	47	48	49	50
51	52	53	54	55	56	57	58	59	60
61	62	63	64	65	66	67	68	69	70
71	72	73	74	75	76	77	78	79	80
81	82	83	84	85	86	87	88	89	90
91	92	93	94	95	96	97	98	99	100

SYARAT PERGERAKAN JAWAPAN BETUL

- Bergerak 19 petak ke kanan
- Bergerak 16 petak ke kanan
- Bergerak 8 petak ke kanan
- Bergerak 10 petak ke kanan
- Bergerak 13 petak ke kanan

Bilik Nombor Perdana

1. $4\frac{1}{2}$ juta + 2.9 juta =
2. $6\frac{3}{8}$ juta ÷ 15 =
3. 3.92 juta – 120 000 + $3\frac{2}{5}$ juta =
4. 4.09 juta + $5 \times \frac{1}{4}$ juta =
5. $(5 \text{ juta} - 2\frac{9}{10} \text{ juta}) \div 7 = \text{ }$
6. $(k + 0.1 \text{ juta}) \times 19 = 2\,394\,000$. Cari nilai k .
7. Negara A mempunyai $4\frac{3}{5}$ juta mangsa COVID-19. Bilangan mangsa itu bertambah 0.007 juta setiap minggu. Berapakah jumlah mangsa pada minggu ketiga?

Bilik Nombor Gubahan

1. $8\frac{7}{10}$ juta – 5.084 juta =
2. $9 \times \frac{3}{10}$ juta =
3. $2\frac{7}{8}$ juta ÷ $20 \times 6 = \text{ }$
4. $6 \times (0.98 \text{ juta} - \frac{1}{4} \text{ juta}) = \text{ }$
5. $0.4 \text{ juta} + 1\frac{1}{5} \text{ juta} \div 4 = \text{ }$
6. $9.2 \text{ juta} - k \div 4 = 8.9 \text{ juta}$. Hitung nilai k .
7. Dalam pertandingan nyanyian lagu patriotik, Fella mendapat $2\frac{3}{5}$ juta undian manakala Razif mendapat 2 kali bilangan undian Fella. Berapakah jumlah undian mereka?